

Persatuan pelbagai agama sukar ditubuh: PM

27 FEB 2002

Daripada Zaharah Othman

LONDON, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penubuhan sebuah persatuan pelbagai agama di Malaysia tidak dapat dilakukan kerana pemimpin Islam masih tidak selesa dengan cadangan itu.

Perdana Menteri berkata, usaha itu memerlukan masa kerana sesetengah umat Islam yang konservatif masih takut 'dijangkiti' pemikiran lain.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pada majlis jamuan di House of Lords, ketika menjadi tetamu kehormat Baroness Uddin dari Bethnel Green. Hampir 80 tetamu, kebanyakannya anggota Parlimen British hadir pada majlis itu.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia mempunyai tradisi rumah terbuka dengan orang ramai saling kunjung-mengunjungi satu sama lain pada hari perayaan walaupun masing-masing berlainan agama.

Mengenai usaha menterjemahkan teks Kristian ke Bahasa Melayu, Perdana Menteri menjelaskan kerajaan harus berhati-hati kerana penggunaan istilah yang sama dalam Islam akan menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam.

"Kekeliruan tidak akan timbul apabila orang ramai lebih faham mengenainya," katanya.

Beliau memberikan contoh kitab Injil Sabah dalam bahasa Melayu tidak

Bagaimanapun usaha itu memerlukan masa kerana sesetengah umat Islam yang konservatif masih takut 'dijangkiti' pemikiran lain

lagi menimbulkan kekeliruan kerana orang ramai sudah biasa dengan rangkaian kata yang digunakan dalam kedua-dua Kitab.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, agama Islam disalah anggap di barat dengan menyamakan ekstrimisme agama dan fundamentalisme agama, sedangkan Islam mengutamakan keamanan dan kesabaran.

"Sekiranya kita ikut rukun asas Islam, kita adalah berfahaman sederhana, menerima dan menghormati perbezaan agama dan cuba menyesuaikan diri dengan penganut ajaran lain. Islam benci kekacauan," katanya.

Beliau juga menjelaskan umat Islam di Malaysia berpegang kuat kepada ajaran dan prinsip Islam.

"Kami mahu memastikan pandangan golongan pelampau (agama) tidak dapat mempengaruhi rakyat. Kami sentiasa berusaha mencegah penyalahgunaan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata, Pas menyalahafsirkan Islam dan mengecam parti itu kerana pandangan sempitnya terhadap fungsi wanita Islam dalam masyarakat.

Katanya, ia bertenta-

ngan dengan Umno yang menggalakkan wanita membabitkan diri sepenuhnya dalam pembangunan negara dan hasilnya mereka berjaya membuktikan kemampuan menghadapi cabaran itu.

Sebagai bukti, katanya, ramai wanita Islam Malaysia memegang pelbagai jawatan penting dalam pelbagai sektor.

Beliau memberikan contoh bahawa Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz adalah wanita, manakala dalam dunia perniagaan, wanita membuktikan keupayaan sebagai pengurus cemerlang dan ada yang menjadi juruterbang jet pejuang.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak berpuas hati kekurangan lelaki Islam yang berusaha mencapai pendidikan tinggi, sebaliknya mengabaikan pelajaran untuk membabitkan diri dalam politik.

Justeru, katanya, perbezaan itu perlu diseimbangkan kerana 70 peratus mahasiswa Islam di Malaysia adalah wanita.

"Setengah daripada penduduk Islam di Malaysia adalah wanita dan jika mereka tidak diberi peluang untuk maju, masyarakat Islam akan menjadi lemah," katanya